

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL**  
**BIL. 3/2004**

---

Tarikh : 21 Disember 2004  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

***Yang Hadir***

Putri Saniah Megat Abd. Rahman ( <i>Pengerusi</i> )	(kpustaka@pkrlsc.cc.ukm.my)
Anuar Talib	
Azian Abd. Rahman : KUKTEM	
Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Foyziah Ahmad Nasuruddin : KUKUM	(lbfan@kukum.edu.my)
Jasmin Jaimon : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Lela Ruzma Mohd Shaari : UKM	(lela@pkrlsc.cc.ukm.my)
Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Molly Chuah : UM	(a4molly@yahoo.com)
Nor Asiah Mohamad : UKM	(nor@pkrlsc.cc.ukm.my)
Rapeeah Ahmad : USM	(RA@notes.usm.my)
Saniah Hj. Armia : IKIM	(saniah@ikim.gov.my)
Syarifah Naqiya Syed Abd. Rahman ( <i>wakil</i> ):PNM	(bru@pnm.my)
Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)
Tusiman Mingun : UKM	(tusiman@pkrlsc.cc.ukm.my)
Hafsa Mohd : UKM ( <i>Setiausaha</i> )	(hafsa@pkrlsc.cc.ukm.my)

***Tidak Hadir Dengan Kenyataan***

Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Che Salmah Mehamood : UMS	(csmehamod@ums.edu.my)
Hawa Abdul Majid : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Kalsom Sharif : UIAM	(kalsom@iiu.edu.my)
Khadijah Ibrahim : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Masnah Abdul Karim : UiTM	(masnah619@salam.itm.edu.my)
Mazmin Mat Akhir : UUM	(mazmin@e-web.uum.edu.my)
Mohammed Ariff Ahmad : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Mohamad Zaki Mohd. Isa : FRIM	(zaki@frim.gov.my)
Mohd. Zaid Mohamad Idris ( <i>wakil</i> ) : UPSI	(nazari@upsi.edu.my)
Noraini Noran Abdullah : MINT	(noran@mint.gov.my)
Nordiah Hj. Musa : KUITTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Rabiatul Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatulahya_msharif@petronas.com.my)
Roslin Muhiddin : NPC	(roslin@npc.org.my)
Salbiah Ma'arof : KP	(Salmaarof2001@yahoo.com)
Sharifah Hanom Bidin: OUM	(sharipah@unitem.edu.my)

## **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatiha.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:
  - Statistik penggunaan PDK
  - Hal-hal berbangkit

## **2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 1 & 2 /2004**

- 2.1 Minit Mesyuarat Bil. 1/2004 disahkan tanpa sebarang pindaan.
- 2.2 Minit Mesyuarat Bil. 2/2004 disahkan dengan pindaan berikut:
  - keluarkan nama Saniah Hj. Armia dari senarai Yang Hadir.

## **3.0 SENARAI INDUK JURNAL**

- 3.1 KUKTEM telah bersetuju untuk menjadi penyelaras Senarai Induk Jurnal. *Template* telah disediakan tetapi tidak mengikut format MARC. Bengkel cara penggunaan akan diadakan. KUKTEM telah bersetuju untuk memanggil wakil Ebsco mengadakan demo penggunaan Ebscohost A to Z.
- 3.2 Wakil KUTKM mencadangkan supaya senarai induk jurnal yang telah disediakan oleh UTM digunakan. Senarai tersebut perlu dikemaskini oleh setiap institusi terlibat.
- 3.3 Wakil UTM memaklumkan bahawa semua IPT terlibat perlu memberikan alamat IP masing-masing untuk dimasukkan ke dalam *server* UTM. Senarai judul jurnal boleh diakses oleh IPT lain melalui UTM *authorised user*.
- 3.4 Pengerusi mencadangkan supaya setiap IPT melanggan PDK yang kerap digunakan. Bagi PDK yang jarang digunakan boleh dikongsi bersama melalui satu *server* seperti yang dicadangkan oleh wakil UTM. Hanya pustakawan SPP (Sistem Pembekalan Penerbitan) akan diberikan kebenaran untuk mengakses. Ini bagi mengelakkan masalah seperti yang dihadapi oleh UM di mana pihak pembekal telah dapat mengesan IPT lain mengakses Lexis-Nexis melalui statistik penggunaan yang terlalu tinggi.

#### **4.0 STATISTIK PENGGUNAAN PDK**

- 4.1 Wakil UNITEN dan MMU memaklumkan kepada mesyuarat berkaitan beberapa masalah dengan pengurusan PDK ScienceDirect terutama dalam urusan kos langganan, statistik penggunaan dan judul jurnal yang boleh diakses.
- 4.2 Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan mesyuarat untuk membincangkan secara terperinci hal-hal berkaitan statistik penggunaan ScienceDirect serta masalah-masalah yang lain dan seterusnya menyediakan laporan bersama (*joint report*). Mesyuarat tersebut akan diadakan pada 29 dan 30 Disember 2004 di Perpustakaan MMU di Cyberjaya.

Tindakan: Wakil MMU

- 4.3 Mesyuarat bersetuju untuk menggunakan e-Metrics bagi tujuan statistik penggunaan PDK di masa akan datang. Ahli mesyuarat perlu lebih pendedahan kepada e-Metrics. Pengerusi mohon wakil UNITEN untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai e-Metrics

Tindakan: Wakil UNITEN

- 4.4 Mesyuarat bersetuju untuk menjalankan kajian *impact factor* serta meneliti JCR (Journal Citation Report).

Tindakan: Semua Ahli JK PDK

#### **5.0 PEROLEHAN PDK**

- 5.1 Wakil UM memaklumkan kemungkinan mendapat arahan dari pihak bendahari untuk melanggan PDK (kos >RM200,000) mengikut proses tender seperti yang telah dilaksanakan oleh UPSI dan PNM (langganan PDK melalui MyLib).
- 5.2 Wakil KUIM memaklumkan bahawa hal ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat PERPUN. Ketua Pustakawan UiTM dan Ketua Pustakawan UM akan mengadakan mesyuarat berkaitan isu pembelian buku secara tender. Perbincangan boleh diluaskan kepada langganan PDK.
- 5.3 Pengerusi mohon wakil UM memaklumkan kepada Ketua Pustakawan UM bagi membincangkan juga isu langganan e-jurnal dan PDK. Di antara isu yang perlu dibincangkan ialah berkaitan surat perjanjian, agen tunggal, syarat akses, harga pakej dan sebagainya.

## **6.0 PDK LANGGANAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

- 6.1 Mesyuarat dimaklumkan hasil perbincangan dua hala dengan wakil Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah seperti di Minit Mesyuarat JK PDK 2/2004 hal 4.0. Di antaranya ialah:
- a. Wakil KPT mencadangkan setiap IPTA memasukkan peruntukan langganan PDK yang diperlukan setiap tahun ke dalam bajet masing-masing
  - b. Wakil KPT mencadangkan supaya IPTS yang menjadi ahli JK PDK memberikan sumbangan kepada peruntukan langganan PDK.
- 6.2 Wakil KUIM mencadangkan supaya kertas cadangan mendapatkan peruntukan dari KPT untuk melanggan PDK dimajukan kepada Mesyuarat Naib Canselor.
- 6.3 Mesyuarat bersetuju supaya setiap IPT melanggan PDK (langganan KPT tahun 2002-2003) secara sendiri.

## **7.0 HAL-HAL LAIN**

### **7.1 Konsortium – COMLIB**

Pengerusi telah memberikan taklimat berkaitan perkembangan COMLIB.

- a. Penubuhan COMLIB dicadangkan di bawah Kementerian dan ini mungkin akan mengambil masa yang agak lama
- b. Kertas kerja penubuhan konsortium perlu dimantapkan lagi sebelum dimajukan kepada pihak Kementerian. Perlu ditekankan COMLIB sebagai institusi yang kukuh untuk urusan langganan PDK
- c. Pihak MASTIC telah memasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke 9 penubuhan konsortium di Kementerian berdasarkan resolusi-resolusi yang telah dibentangkan di dalam kajian *Bibliometric Study of Science and Technology (S&T) Knowledge Productivity in Malaysia* yang telah dijalankan dari Jun 2003 hingga April 2004.

### **7.2 PDK Langganan Secara Konsortia**

- a. Kluwer Online eBooks

Mesyuarat bersetuju memohon pembekal menangguhkan tarikh tamat harga konsortium memandangkan beberapa IPT sedang dalam proses mengkaji semula prosedur langganan PDK.

b. ISI Web of Science

Mesyuarat belum mendapat persetujuan untuk melanggan secara konsortium memandangkan kos yang terlalu tinggi. Namun begitu institusi yang berminat boleh melanggan secara individu.

### 7.3 EIU Country Report

Wakil EIU (Economist Intelligence Unit) mengadakan demo di Makmal Internet setelah tamat mesyuarat dan cadangan kos langganan secara konsortium telah dibentangkan.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

*Perpustakaan Tun Seri Lanang  
UKM Bangi  
24 Disember 2004*

*HM/fmn*